

telah mendapat kecaman hebat itu dan yang mempunyai perdirian sehingga mereka dibubarkan oleh pemerintah Sukarno.

Sampai bilakah yang demikian ini berjalan tidaklah diketahui adakah langkah-langkah pemerintahan diktator tentera akan terus menerus mengambil alih kekuasaan daripada Sukarno hingga ke suatu masa yang panjang dengan tidak menentukan peralihan di dalam pilihan raya yang akan datang nanti, juga menjadi suatu pertanyaan.

Yang nampaknya bahawa bekas-bekas pejuang agama adalah tidak dibenarkan untuk membentuk parti barunya dan dengan demikian bagaimakah mereka akan dapat mengambil bahagian dalam melaksanakan tugasnya di dalam masyarakat Islam Indonesia. Keadaan yang akan menentukannya kelak.

\*

### Masalah Ladang-ladang Getah

Dalam masa yang akhir-akhir ini masalah menjual ladang-ladang getah yang besar-besar telah menjadi perbahasan apabila kerajaan-kerajaan negeri menuntut supaya jangan menjalankan penjualan ladang-ladang itu dengan dipecah-pecahan kerana bakal menimbulkan hal-hal yang mengenai ekonomi dan pekerja-pekerja (buruh-buruh ladang).

Persoalan ini telah dibahaskan di dalam parliment Malaysia dan di sebalik itu pekerja-pekerja ladang telah pun mengadakan badan kerjasama untuk membeli ladang-ladang getah atas inisiatif bersama di dalam lingkungan mereka yang kebanyakannya anggota-anggotanya terdiri dari orang-orang keturunan India. Banyak



Yang Mulia Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj dalam lawatannya ke negeri-negeri pantai timur pada bulan Januari yang lalu telah menyampaikan bantuan wang tunai \$2,000 kepada Cik Wah Binti Mat Dom, balu sarjan polis Abdul Rahim bin Adam yang telah mati lemas semasa menjalankan tugasnya di Pasir Putih Kelantan.

ladang-ladang telah dibeli atas nama syarikat pekerja-pekerja itu dan ditadbirkan bersama oleh mereka dan mungkin tidak suci bahawa ada di dalamnya modal-modal yang besar dimasukkan ke dalam syarikat itu untuk mendapat tanah-tanah bagi golongan mereka.

Mempertahankan pemecahan ladang-ladang besar itu sekalipun bakal melibatkan sebahagian pekerja-pekerja ladang namun yang demikian, sebagaimana yang dikatakan oleh Tan Sri Jaafar Albar, adalah menghidupkan lagi monopoli tanah bagi pemodal-pemodal dan tentunya tidak memberi peluang kepada "orang-orang yang kecil" akan mendapat tanah-tanah ladang untuk mereka. Dengan yang demikian ini maka lama kelamaan bermaknalah bahawa keadaan ladang-ladang itu berpindah daripada mulut

harimau ke mulut buaya sedang bumiputera asli akan terkebil-kebil melihat pemindahan itu dengan cara besar-besaran yang lama kelamaan di dalam perkembangan hidupnya si bumiputera itu akan melepas daripada menguasai atau mempunyai tanah untuk peribadi sendiri sebagai bumiputera dan orang-orang yang dahulunya sebagai pekerja yang dipanggil kerja ke mari mempunyai dalam ladang-ladang itu.

Dalam hal ini mungkin orang-orang memandang bahawa satu lagi perkara bakal melumpuhkan bumiputera timbul di dalam masa bertolak ansur iaitu dasar yang sentiasa dijalankan oleh pemerintahan yang memerintah sekarang.